



**KESATUAN PEMANDU – PEMANDU KEMENTERIAN  
KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

**MEMO DALAMAN**

📞 : ① 011-18587576

✉ : kppkksm@yahoo.com

Ruj Kami : **MAKLUMAT PENTING**

Tarikh: 8 NOVEMBER 2020

Perkara :	PENANGGUHAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TRI TAHUNAN KESATUAN PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA SESI 2020 - 2023	
Daripada :	SETIAUSAHA AGUNG KPPKKSM	Salinan Kepada :
Kepada :	SEMUA PEGAWAI KANAN / EXCO / AJK CAWANGAN / PERWAKILAN	PENGARAH JABATAN HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA JOHOR

Dengan hormatnya adalah saya di arah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan Persidangan Perwakilan TRI Tahunan Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Semenanjung Malaysia (KPPKKSM) yang akan diadakan pada 24 - 26 November 2020 di Pusat Dagangan Indera Mahkota, Kuantan, Pahang **DITANGGUHKAN** ekoran pengumuman yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan melalui **YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob Menteri Kanan Pertahanan (Keselamatan)** berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020.

3. Pergerakan rentas negeri dan daerah adalah **TIDAK** dibenarkan kecuali dengan kebenaran Polis dan kes-kes kecemasan sahaja yang dibenarkan. Untuk tujuan mengadakan majlis-majlis keraian / persidangan yang melibatkan perhimpunan ramai **TIDAK** dibenarkan.

4. Justeru itu, pihak kesatuan mengambil keputusan untuk menangguhkan persidangan ini atas khidmat nasihat daripada Ketua Pengarah Kesihatan selain mengingatkan semua Petugas Kesihatan termasuk Pemandu Kenderaan supaya mematuhi arahan PKPB selain siapa siaga dengan Pendemik Covid 19.

5. Semoga Allah Merahmati Kita Semua dan Melindungi Kita daripada penularan wabak dan bahaya Covid 19.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(REOSTAM BIN DZAHAR )**

Setiausaha Agung

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia (KPPKKSM)